



Jurutera marin kini tauke RV, buka kilang kenderaan rekreasi

Februari 24, 2023 @ 10:42am



Shamsul Rosli (kiri) dan rakan, Aideel Ezuan Rashidi bersama 'campertruck' dihasilkan di kilang mereka di Seremban, Negeri Sembilan. - BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kira-kira empat tahun lalu, cubaan membaik pulih pelbagai kenderaan rekreasi (RV) akhirnya mendorong ahli perniagaan, Shamsul Rosli mengembangkannya dengan membuka sebuah kilang bagi memenuhi permintaan industri itu yang semakin mendapat tempat.

Dikenali sebagai Camperv M dan terletak di Seremban, Negeri Sembilan, kilang itu menyediakan kepakaran dan khidmat profesional untuk baik pulih, reka cipta, ubah suai pelbagai model kenderaan RV seperti karavan, 'campervan' dan 'motorhome' diimport dari luar negara.



Pekerja Camperv M melakukan kerja pendawaian elektrik sebelum mengubahsuai sebuah kenderaan pelanggan. - BERNAMA

Lebih membanggakan, usaha yang dilakukan secara komersial sejak setahun itu juga membolehkan kenderaan pacuan empat roda (4WD) diubah suai menjadi kenderaan 'campertruck', menjadikan kilang diusahakan Shamsul antara yang terawal di negara ini yang berkeupayaan melakukannya.

Berkongsi kejayaan itu, bekas jurutera marin itu, berkata sebelum membuka bengkel, beliau 'terbang' ke United Kingdom (UK) semata-mata untuk membeli dan mempelajari selok-belok bagi memiliki sebuah karavan yang diimpikan.

"Di UK, saya beli sebuah van Mercedes-Benz Sprinter WB yang kosong untuk diubah suai dijadikan karavan. Pada masa sama, saya juga melawat beberapa kilang bagi mempelajari kaedah pembuatan karavan dengan mereka yang pakar di sana.

"Selepas membawanya pulang ke Malaysia, terdetik dalam fikiran, rasa ada perkara lagi yang masih tidak memuaskan dengan karavan saya beli seperti di dalam kabinnya tiada ruang solat walaupun sudah dilengkapi katil, dapur dan tandas.

"Jadi bermulalah idea untuk saya 'DIY' karavan saya. Secara tak sengaja, inovasi saya yang lebih mesra Muslim itu mendapat perhatian khususnya peminat RV tempatan, apatah lagi ketika itu memang sukar dan tiada individu yang mahir membaik pulih kenderaan jenis ini," katanya.



Pekerja Camperv M melakukan kerja-kerja pengubahsuaian kenderaan pelanggan. -
BERNAMA

Anak jati Mantin, Negeri Sembilan itu berkata, kilangnya berkeupayaan menawarkan perkhidmatan membaik pulih kenderaan RV dari segi sistem pendawaian elektrik dan penyaman udara, selain reka bentuk dalaman dan luaran kabin RV.

Dibantu empat petugas berkemahiran yang lain, setakat ini, lebih 80 RV pelbagai jenis berjaya dibaik pulih, diubah suai mengikut cita rasa dan kehendak pemilik kenderaan.

Mengulas lanjut, Shamsul berkata, kebanyakan peralatan RV seperti tandas, penyaman udara atas bumbung serta peralatan elektrik seperti ketuhar, peti ais dan seterika yang menggunakan elektrik 12 volt diimport dari luar negara.



Pekerja Camperv M giat melakukan kerja-kerja memotong besi bagi pengubahsuaian kenderaan. - BERNAMA

Berkongsi mengenai 'campertruck' yang kini menjadi pilihan berbanding model kenderaan RV lain, Shamsul berkata, hanya tiga negara di dunia, iaitu Australia, China dan Thailand menghasilkan RV jenis itu dan kini Malaysia juga mampu berbuat demikian hasil reka cipta anak tempatan.

"Campertruck' kini semakin mendapat tempat kerana pemanduannya adalah auto, lebih praktikal atas semua jenis permukaan jalan dan penyelenggaraannya lebih mudah," katanya yang telah menghasilkan 10 'campertruck' menggunakan aluminium sebagai bahan utama untuk pembuatan struktur kabinnya.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Kejuruteraan Automatif Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Mohd Yusop Mohamad, berkata sebarang ubah suai atau kreativiti hendak dilakukan ke atas kenderaan termasuk van, pacuan empat roda (4WD) adalah dibenarkan dengan membuat permohonan kepada JPJ.



Ruang dalaman sebuah 'campertruck' yang santai setelah proses pengubahsuaian oleh Camperv M. - BERNAMA

Katanya, pemilik kenderaan boleh mendapatkan khidmat nasihat jurutera profesional yang berdaftar dengan JPJ untuk dibuat Pelan Teknikal Kenderaan yang merangkumi aspek mekanikal dan elektrik.

"Jurutera profesional juga akan memastikan aspek kestabilan, keselamatan dan kualiti bahan binaan selaras dengan standard piawaian yang ditetapkan oleh JPJ. Pelan teknikal ini juga akan disemak oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ Ibu Pejabat di Putrajaya.

"Setelah Pelan Teknikal Kenderaan diluluskan, kerja ubah suai hendaklah dibuat di mana-mana 291 bengkel kejuruteraan yang berdaftar dengan JPJ di seluruh negara," katanya.



Ruang tidur 'campertruck' kelihatan moden dan mewah selepas pengubahsuaian oleh Camperv M. - BERNAMA

Sementara itu, Naib Presiden Persatuan 'Campervan' dan 'Motorhome' Malaysia, Emirol Rashid, berkata industri RV semakin popular kerana ia satu daripada gaya hidup mereka yang gemar mengembara dan berkelah bersama keluarga.

Ketika ini, katanya, terdapat lebih 2,000 pemilik RV di seluruh negara dengan kos memiliki kenderaan itu bermula daripada RM40,000, bergantung pada bajet dan kemahuan, sama ada ubah suai van yang kosong atau import yang baharu atau terpakai dari luar negara. - BERNAMA